



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 NOVEMBER 2016

Dr. Mahathir sering lakukan pusingan U

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi membuktikan bahawa beliau akan membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan apa yang pernah disuarakan dan dilakukan ketika memegang jawatan sebagai Perdana Menteri.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, terdapat senarai panjang tindakan pusingan U yang telah dilakukan Dr. Mahathir dan ia akan berterusan.

“Apa yang disuarakan oleh Dr. Mahathir sebelum ini hanya cakap-cakap politik, tidak disokong dengan fakta mahu pun laporan badan-badan penarafan dan institusi seperti Bank Dunia atau Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

“Misalnya, kita masih dalam kategori A mengikut agensi-agensi penarafan. Kalau sekiranya negara kita sedang menjurus kepada keadaan krisis ekonomi, sudah tentu agensi-agensi penarafan akan membuat penarafan yang rendah,” katanya dalam blognya, www.najibrazak.com, di sini hari ini.

Jelas Najib dalam tulisannya yang bertajuk Perjuangan Per-

nimpunan Haram Pembangkang itu, kerajaan akan terus fokus terhadap pentadbiran negara bagi memastikan segala program yang diluluskan akan sampai kepada rakyat.

Katanya, kerajaan perlu menunjukkan urus tadbir negara dengan baik bagi meningkatkan keyakinan masyarakat dan pihak luar kepada negara.

Sementara itu dalam status terbaharu Najib di akaun Facebooknya, beliau yakin kerjasama perdagangan dua hala antara Malaysia dan Kanada akan terus berkembang dari semasa ke semasa.

Kata beliau yang kini berada di Peru, keyakinan itu berdasarkan tindakan Kanada sebagai antara negara terawal yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

“Hari ini, seseorang telah memegang saya dari arah belakang dan ia merupakan suatu kejutan yang menyenangkan kerana beliau adalah Perdana Menteri Kanada, Justin Trudeau.

“Kesudian Trudeau ke hadapan untuk menegur dan bersalaman dengan saya, amat saya haragai,” katanya.

UM - 21/11/2016